

Artikel

Pendekatan Sabar dalam Pembentukan Akhlak Muslim Pelajar (*Patience Approach in the Formation of Muslim Students Morality*)

Ahmad Jafri Bahar* & Fariza Md. Sham

Pusat Kajian Dakwah & Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: jafribahar@yahoo.com

Abstrak: Pelajar yang berakhlak mulia dikatakan sebagai pemimpin masa depan. Mereka bakal menggantikan pemimpin yang ada pada hari ini. Justeru, mereka perlu dididik agar mampu menjadi pemimpin pada masa hadapan. Pelbagai pendekatan yang boleh dilaksanakan untuk mencapai hasrat tersebut. Oleh itu kajian ini bertujuan mengkaji pendekatan sabar dalam pembentukan akhlak muslim pelajar. Metod yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif, menggunakan pendekatan analisis dokumen melalui dokumen primer dan dokumen sekunder bagi mengkaji konsep sabar dari perspektif Islam, hubungannya serta aplikasi dalam pembentukan akhlak muslim pelajar. Hasil kajian mendapati, elemen pendekatan sabar amat sesuai untuk pembentukan akhlak muslim pelajar. Perbincangan ini memberi implikasi bahawa pendekatan sabar mampu menjadi pendekatan alternatif dalam proses pembentukan akhlak pelajar agar mereka mengamalkan sifat sabar dalam proses pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah, sabar membentuk jati diri menjadi insan yang baik, sabar dalam mematuhi ajaran agama Islam, dalam amal ibadah, pergaulan sesama kawan dan dengan orang yang lebih dewasa.

Kata kunci: pelajar, sabar, akhlak, alternatif, muslim, sekolah, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P)

Abstract: Students of noble character are said to be the leaders of the future. They will replace the leaders we have today. Therefore, they need to be educated to be able to be leaders in the future. Various approaches can be implemented to achieve that goal. Therefore, this study aims to examine the patient approach in the formation of students' Muslim morals. The method used in this study is qualitative, using a document analysis approach through primary documents and secondary documents to study the concept of patience from an Islamic perspective, its relationship and application in the formation of Muslim morality of students. The results of the study found that the element of patience approach is very suitable for the formation of Muslim morals of students. This discussion implies that patience approach can be an alternative approach in the process of forming students' morals so that they practice patience in the process pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) in school, patience to form a good human identity, patience in adhering to the teachings of Islam, in deeds of worship, fellowship and with older people.

Keywords: students, patient, morals, alternative, Muslim, school, The Implementation of Teaching and Learning (P&P)

Pengenalan

Akhlik memainkan peranan penting dalam kehidupan individu muslim. Tanpa akhlak akan pincanglah sebuah kehidupan dan akan hancurlah sesebuah tamadun. Pada masa kini pelbagai kejadian yang berlaku ekoran dari kelunturan akhlak dalam kalangan pelajar seperti kes curi motosikal, kes buli pelajar, mencederakan orang, pecah rumah, mencederakan orang dan samun. Bagi tahun 2018, tangkapan membabitkan pelajar sekolah dalam indeks jenayah sebanyak 1,388 kes manakala 2019 mencatatkan 1,230 kes. Sementara itu, dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun ini sebanyak 538 kes dilaporkan (<https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/12/760676/>). Lebih menyedihkan lagi apabila berlakunya kelunturan akhlak dalam kalangan individu muslim khususnya. Ramai yang mengakui dirinya sebagai muslim, tetapi tidak memiliki akhlak sebagaimana seorang muslim yang benar-benar menghayati Islam dan panduan yang digariskan dalam al-Quran (Faridah Che Husain Tengku Sarina Aini Tengku Kasim, 2006).

Boleh dikatakan semua agama yang ada di dunia ini mengandungi ajaran yang bersangkutan paut dengan akhlak dan budi pekerti. Tidak kira sama ada agama itu Yahudi, Nasrani, dan Islam. Akhlak mendapat kedudukan yang tinggi dalam Islam. Bahkan perutusan Nabi Muhammad s.a.w adalah untuk menyempurnakan akhlak (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, 2007). Terdapat juga hadis yang membincangkan berkaitan akhlak sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

[Malik, Ahmad, Hakim, At-Tabarani dan Bukhari dalam "Al-Adab Al-Mufrad" daripada Abu Hurairah]

Maksudnya : Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah bersabda: "Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia"

Sebagai seorang Guru Pendidikan Islam (GPI), mereka hendaklah menanamkan akhlak yang baik dalam diri setiap pelajar. Mursa (2001) menyatakan tumpuan pengajaran dan pembelajaran akhlak Islamiyyah adalah supaya akhlak yang baik dan sempurna dapat ditanamkan dalam pemikiran, hati dan diri para pelajar seterusnya menjauhkan mereka daripada akhlak yang terkeji. Sekiranya dalam diri pelajar sudah mempunyai akhlak yang terkeji, maka tujuan pengajaran dan pembelajaran akhlak pula adalah untuk mengeluarkan sifat yang terkeji tersebut serta menggantikannya dengan akhlak yang terpuji.

Kunci kebaikan bagi manusia adalah kerana mempunyai akhlak yang mulia. Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri (2007) menyatakan bahawa kesungguhan Islam menanamkan akhlak Islamiyyah ini adalah kerana dengan akhlak yang terpuji lagi sempurna merupakan kunci kebaikan bagi manusia dan makhluk Allah yang lain. Kejayaan membiasakan diri dengan akhlak yang mulia merupakan lambang kepada kejayaan pendidikan akidah dan ibadah. Berjaya kerana iman melambangkan kepercayaan, sedangkan ibadah lambang kepatuhan atau ketundukan, manakala akhlak pula lambang kepada tabiat dan kebiasaan. Justeru, guru yang berjaya dalam menanamkan nilai akhlak ini kepada pelajarannya merupakan guru yang berkesan dalam pendidikan mereka.

Pendidikan pada hari ini memerlukan kepada pelbagai metodologi pengajaran bagi memudahkan Guru Pendidikan Islam (GPI) mendidik pelajar agar berakhlak mulia seterusnya dapat menarik minat mereka dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Apabila metodologi yang digunakan bertepatan dan sesuai kepada pelajar, maka para pelajar akan merasakan keseronokan dalam menuntut ilmu di samping mengamalkan akhlak muslim yang sebenar.

Hakikatnya tugas seorang pendidik atau guru bukan setakat menyalurkan ilmu pengetahuan, sebaliknya mereka juga bertanggungjawab membina akhlak mulia kepada pelajar. Mengajar bidang apa sekalipun, aspek membina sahsiah peribadi seharusnya diletakkan sebagai teras kepada usaha pendidikan itu. Cabaran guru masa kini ialah untuk menjadi guru yang terbaik. Guru yang penyayang dan penyabar akan menjadi seorang guru yang berjaya dalam kerjayanya. Apabila nilai sabar dan penyayang itu tersemat kukuh, guru pasti akan menyedari bahawa hasil nikmat sabar itu sangat memberkati usaha gigihnya mendidik.

Dalam usaha pembentukan akhlak muslim kepada pelajar, pelbagai pendekatan boleh dilakukan. Antara pendekatan yang boleh dilaksanakan kepada pelajar ialah melalui pendekatan sabar. Para guru dituntut untuk membentuk para pelajar dengan mengaplikasikan pendekatan sabar dalam pembentukan akhlak muslim di zaman yang serba moden dan mencabar ini kerana kerjaya sebagai seorang guru kerana dikhuatiri tidak dapat mengawal emosi lantas mengambil tindakan menghukum anak didik di luar batas etika.

Kajian Lepas

Dalam membincangkan mengenai Pendekatan Minat Kepada Pelajar Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam, maklumat-maklumat adalah diperolehi melalui kajian-kajian yang terdahulu dan informasi-informasi yang berbentuk soal selidik, pandangan guru pendidikan Islam serta pengalaman penulisan sendiri. Rujukan melalui kajian-kajian yang terdahulu adalah daripada kajian tempatan.

Di antara pengkajian yang lalu adalah seperti kajian tentang “Transformasi Pengajaran dan Pembelajaran Multimedia dalam Pendidikan Islam: Satu Perbincangan” oleh Muhammad Zulazizi Mohd Nawi (2020). Dalam kajian ini, membincangkan transformasi pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi multimedia bagi memastikannya menjadi agenda utama dalam pendidikan Islam. Hasil kajian memberikan peluang kepada para pelajar untuk mempelajari pendidikan Islam dengan lebih komprehensif. Hasil kajian diharapkan guru juga dapat menjadi peneraju perubahan, pemikir holistik serta pemangkin kepada kejayaan sistem pendidikan negara ini selain dapat memainkan peranan penting dalam membimbing pelajar supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan.

Begitu juga dengan kajian tentang “Konsep Lima Mim: Persepsi Pelajar Terhadap Guru Inovatif Pendidikan Islam” oleh Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Nursafra Mohd Zhaffar, Khadijah Abdul Razak dan Mohd Isa Hamzah (2021). Dalam kajian ini digunakan konsep lima mim untuk menilai persepsi pelajar terhadap guru inovatif pendidikan Islam. Seramai 284 pelajar terlibat sebagai responden. Hasil kajian menunjukkan konstruk muaddib mempunyai nilai min yang lebih tinggi berbanding mim yang lain dan merupakan satu-satunya konstruk yang berada pada tahap sangat tinggi. Manakala konstruk mudarris pula mempunyai nilai min yang paling rendah, namun masih berada pada tahap tinggi. Hasil kajian ini dapat memberikan panduan kepada para guru khususnya Guru Pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim agar berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran.

Seterusnya kajian tentang “Isu Terkini Pendidikan Islam Di Era Pandemik Covid 19 Di Malaysia” oleh Maimun Aqsha Lubis, Mohd Sham bin Kamis, Sohaina binti Mohd Salleh & Zunidar (2021). Kajian ini adalah

bertujuan untuk mengenalpasti pendidikan Islam dari sudut falsafah Pendidikan, mengenalpasti pendekatan amalan pendidikan secara amnya di era pandemik dan mengenalpasti pendekatan amalan pengajaran pendidikan Islam di era pandemik Covid-19 di Malaysia. Hasil kajian mendapati cabaran pandemik memberi implikasi terhadap guru terutama guru pendidikan Islam dalam mengharungi PDPR sebagaimana dirancang serta sentiasa bersedia meningkatkan kemahiran teknologi dalam pengajaran secara kreatif dan inovatif.

Begitu juga dengan kajian tentang “Analisis Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Minat Belajar Mahasiswa di Masa Pandemi pada mata kuliah penulisan karya ilmiah di Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara” oleh Silvia Febrianti, Hani Nursafwa, Bustanul Arifin, Isra Hayati dan Zailani (2021). Kajian ini adalah bertujuan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi minat belajar mahasiswa pada mata kuliah penulisan karya ilmiah di masa pandemik. Hasil kajian adalah berdasarkan hasil temuramah dan penyelidikan yang dilakukan terhadap lapan mahasiswa, terdapat dua orang yang minat belajarnya stabil, sedangkan enam lainnya minat belajarnya menurun. Adapun faktor-faktor yang mempengaruhi minat belajar mahasiswa ialah jaringan internet, media dan sumber belajar, komunikasi dan persekitaran.

Seterusnya kajian tentang “Kesedaran Motivasi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam” oleh Nik Shahrul Nizan Mohamed, Noor Fadhlina Nawawi, Ajmain@Jimain Safar dan Kamarul Azmi Jasmi (2014). Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap motivasi pelajar yang mengikuti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Hasil kajian berdasarkan data deskriptif menunjukkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.66.

Hasil daripada kajian lepas ini menunjukkan bahawa guru dapat menjadi peneraju perubahan dalam membimbing pelajar supaya penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran dapat ditingkatkan. Begitu juga dengan konsep “Lima Mim” yang dapat memberikan panduan kepada para guru khususnya guru pendidikan Islam yang minat berinovasi untuk menyeimbangkan kualiti dan peranan sebagai mudarris, muaddib, murabbi, mursyid dan muallim agar berjaya menterjemahkannya ke dalam amalan pengajaran. Sesungguhnya cabaran pandemik Covid-19 di Malaysia memberi implikasi terhadap guru terutama guru pendidikan Islam dalam mengharungi PDPR dan faktor-faktor yang dapat mempengaruhi minat belajar mahasiswa ialah jaringan internet, media dan sumber belajar, komunikasi dan persekitaran serta kesedaran motivasi pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam menunjukkan tahap motivasi pelajar berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan nilai min 3.66.

Metodologi Kajian

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan sepenuhnya kerana segala maklumat dan data hanya diperolehi dari perpustakaan di samping laman sesawang internet bagi mengkaji konsep sabar dari perspektif Islam, hubungannya dalam pembentukan akhlak muslim pelajar. Data-data berkaitan konsep sabar dikumpul melalui buku sarjana dalam bidang pendidikan. Rujukan terhadap tokoh dan ulama silam bertujuan mengenal pasti keaslian pemikiran dalam kefahaman berkaitan konsep sabar. Manakala karya tokoh dan ulama terkemudian bagi memperoleh keputusan berautoriti sekiranya berlaku perbezaan pandangan. Secara umumnya, bahan-bahan perpustakaan adalah rujukan asas yang digunakan dalam kajian ini. Antara tokoh sarjana dalam pendidikan yang tersohor yang menjadi rujukan adalah seperti Al-Ghazali, karyanya yang bertajuk “Ihya Ulumuddin. Menghidupkan Ilmu-Ilmu Agama”. Begitu juga dengan tokoh Siddiq Fadzil, yang mengarang buku bertajuk “Jati Diri dan Psikik Melayu” yang menjadi rujukan masa kini. Seterusnya buku “Psikologi Dalam Dakwah” karangan oleh Ab Aziz Mohd Zin.

Di antara kaedah kajian yang dijalankan oleh penulis ialah analisis kandungan. Analisis kandungan adalah satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak seperti akhbar, majalah, jurnal, buku, kitab, laporan bertulis, minit mesyuarat dan sebagainya juga bahan-bahan elektronik (seperti filem, drama, rancangan radio, televisyen, cakera padat dan papan iklan. Ia juga digunakan bagi mengkaji beberapa istilah, perkataan, konsep, tema, frasa atau ayat yang ada dalam media berkenaan. Analisis kandungan boleh digunakan dalam pelbagai bidang ilmu seperti politik, sosial, pengurusan, pendidikan dan pengajian Islam. Analisis kandungan merangkumi aktiviti berikut:

- Membaca, meneliti, memilih, dan menyaring teks yang dikenal pasti sebagai bahan/ data penyelidikan.
- Teks termasuklah dokumen, buku, surat, elektronik mel, video, cd, foto dan catatan/ diari.
- Kandungan teks pelbagai, misalnya kata, frasa, ayat, imej, warna, aksi, dialog, bunyi, dan setiap yang tersurat dan tersirat.
- Analisis adalah secara sistematik, teratur dan bersandarkan suatu kerangka teori, konsep atau model (<http://www.esasterawan.net/esasterawan/> 6.3.2010).

Sorotan Literatur

Baghian ini membincangkan pendefinisian konsep terhadap penelitian literatur yang dilakukan. Konsep yang dimaksudkan tersebut termasuklah pengertian sabar, kepentingan sabar dalam membentuk akhlak pelajar dan sabar dan hubungannya dengan pembentukan akhlak muslim pelajar.

1. Pengertian Sabar

Beberapa kajian terdahulu memberi definisi perkataan sabar dengan pelbagai pengertian. Secara umumnya sabar adalah menahan diri daripada marah kepada perkara yang tidak disukai dan menahan lidah daripada mengadu kepada selain Allah. Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) bermaksud menahan penderitaan (kesakitan, kesusahan, dan lain-lain) di atas segala seksaan diterimanya, tidak terburu-buru dan tenang.

Sabar (al-sabr) menurut bahasa adalah menahan diri dari keluh kesah (Abu Sahlan, 2010). Bersabar ertinya berupaya sabar. Manakala al-shibru ertinya ubat yang pahit. Ada yang berpendapat, "Asal kalimat sabar adalah keras dan kuat. Al-Shibru tertuju pada ubat yang terkenal sangat pahit dan sangat tidak menyenangkan. Ada pula yang berpendapat, "Sabar itu diambil dari kata mengumpulkan, memeluk, atau merangkul. Sebab, orang yang sabar itu yang merangkul atau memeluk dirinya dari keluh-kesah. Ada pula kata shabrah yang tertuju pada makanan". Pada dasarnya, dalam sabar itu ada tiga erti iaitu menahan, keras, mengumpulkan, atau merangkul, sedang lawan sabar adalah keluh-kesah (Muhammad Rabbi Muhammad Jauhari, 2006).

Menurut Imam Al-Ghazali (2009) sabar ialah suatu proses untuk meninggalkan perbuatan-yang penuh dengan nafsu syahwat, yang dihasilkan oleh suatu keadaan. Sabar adalah salah satu tingkat (maqam) yang penting bagi seseorang dan salah satu kedudukan penting bagi para salikin (orang yang menempuh perjalanan) menuju Allah Taala. Kedudukan agama itu tersusun dari tiga perkara iaitu : 1) Ma'rifat (ilmu), 2) hal ehwal (keadaan), 3) amal perbuatan/ tindakan merupakan buah dari keadaan. Dengan demikian, ilmu dapat diibaratkan seperti akar dan batang pohon, keadaan adalah cabang pohon, dan perbuatan adalah buah dari pohon itu. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah [2] ayat 153:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: “Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) uytgsembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabar.”

Sayyid Qutb (2001) menerangkan bahawa kesabaran sering kali disebut di dalam al-Quran kerana Allah mengetahui betapa besarnya daya usaha yang gigih yang diperlukan oleh pendirian yang teguh dan jujur untuk menjalani jalan Allah di tengah-tengah godaan daripada berbagai-bagai keinginan, dorongan dan daya usaha yang gigih yang diperlukan oleh perjuangan berdakwah kepada Allah di muka bumi ini di tengah berbagai-bagai tentangan dan halangan, dan seterusnya daya usaha yang gigih yang diperlukan agar hati seseorang (pendakwah dan pejuang) tenang, tenteram, siap siaga dan waspada luar dan dalam. Kesabaran dan kegigihan itu diperlukan dalam semua bidang ini, iaitu kesabaran untuk melaksanakan ketaatan-ketaatan dan menjauhi maksiat-maksiat, kesabaran untuk menentang penderhaka-penderhaka Allah, kesabaran untuk menghadapi aneka ragam tipu daya, kesabaran menunggu pertolongan yang lambat tiba, kesabaran berjalan di jalan yang jauh, kesabaran menghadapi perkembangan kebatilan, kesabaran menghadapi kekurangan pembantu, kesabaran menghadapi jalan berduri yang panjang, kesabaran menghadapi penyelewengan-penyelewengan manusia dan kesesatan mereka, dan kesabaran menghadapi kedegilan yang berat dan penolakan yang pedih.

Menarik manusia dan menguasai mereka menuntut agar pendakwah bersifat sabar menghadapi mereka dan bukannya menghadapi mereka dengan sempit dada dan perasaan bosan. Orang ramai memiliki pelbagai bentuk perangai, pelbagai bentuk keaiban dan kekurangannya, pelbagai bentuk keperluan dan kepentingan dan apabila ini dikaitkan dengan pelajar maka tidak semua guru boleh menjadi pendidik yang baik dan disenangi pelajar, kerana profesion itu sangat mencabar kesabaran dan keimanan jika gagal dihayati sepenuh jiwa dan raga.

Ada pendidik mendapat darah tinggi dan mengalami tekanan teruk berhadapan perangai pelajar yang sukar dikawal. Ada juga mendakwa sikap pelajar malas, nakal dan tidak mendengar kata membuatkan mereka hilang sabar dan kurang bermotivasi untuk meneruskan profesion ini. Sesungguhnya mereka yang bergelar guru dan pensyarah, adalah mereka yang bekerja dalam profesion sangat mulia dan sentiasa dipandang tinggi masyarakat. Namun, di sebalik kemuliaan menjadi pendidik, profesion ini mempunyai cabaran tertentu kerana proses mendidik dan mengajar sentiasa berurusan kerehnan manusia dan persekitarannya memerlukan sifat sabar yang tinggi.

Kadangkala juga seseorang itu melakukan kesilapan, terutamanya tanpa sengaja, maka seorang guru itu digalakkan memberi kemaafan. Pendekatan ini sangat sesuai dalam dakwah supaya hubungan antara kedua belah pihak tidak menimbulkan masalah. Allah mengarahkan manusia berbuat demikian sepertimana Allah menegaskan di dalam al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah an-Nur [24] ayat 22:

وَلَا يَأْتَلِ أُولُوا الْفَضْلِ مِنْكُمْ وَالسَّعَةِ أَنْ يُؤْتُوا أُولِي الْقُرْبَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَالْمُهَاجِرِينَ فِي سَبِيلِ
 اللَّهِ وَلْيَعْفُوا وَلْيَصْفَحُوا أَلَا تُحِبُّونَ أَنْ يَغْفِرَ اللَّهُ لَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

Maksudnya: “Dan janganlah orang-orang yang berharta serta lapang hidupnya dari kalangan kamu, bersumpah tidak mahu lagi memberi bantuan kepada kaum kerabat dan orang-orang miskin serta orang-orang yang berhijrah pada

jalan Allah, dan (sebaliknya) hendaklah mereka memaafkan serta melupakan kesalahan orang-orang itu; tidakkah kamu suka supaya Allah mengampunkan dosa kamu? dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Ayat ini diturunkan untuk mengingatkan Saidina Abu Bakar As-Sidiq r.a dan sekalian kaum muslimin bahawa mereka pernah melakukan kesalahan dan mereka berharap kepada Allah supaya mengampunkan kesalahan mereka. Oleh sebab itu mereka juga harus bersabar dan bersikap bermaafan terhadap satu sama lain sebagaimana mereka mengharapkan kemaafan daripada Allah dan janganlah mereka bersumpah untuk menahan bantuan kepada mereka yang memerlukannya apabila mereka melakukan kesilapan dan kesalahan

Di sini dapat dilihat satu taraf jiwa yang tinggi dan jiwa-jiwa yang bersih dan suci dengan nur hidayah Allah, iaitu taraf jiwa tinggi Saidina Abu Bakar r.a yang telah merasa tersinggung dengan peristiwa fitnah hingga ke dasar hatinya dan telah menanggung penderitaan yang pahit kerana menerima tuduhan jahat terhadap rumah tangga dan maruahnya, tetapi sebaik sahaja dia mendengar suruhan Allah supaya mengambil sikap memberi kemaafan dan sebaik sahaja hatinya disentuh dengan pertanyaan Allah yang bertanya (Sayyid Qutb (2001). Firman Allah SWT dalam surah Ali ‘Imran [3] ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya: “Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik;”

Setiap manusia hendaklah mematuhi perintah Allah secara keseluruhan. Ini dapat mendidik manusia mengikuti ajaran Islam dengan penuh kesabaran. Sukino (2015) menjelaskan bahawa pendidikan adalah satu bentuk kepatuhan kepada Allah SWT. Pendidikan adalah ibadah yang mempunyai nilai yang tinggi. Ini adalah kerana pekerjaan mendidik sama dengan menegakkan agama. Dengan pendidikan agama yang baik, ajaran agama akan diserap secara keseluruhan dalam diri manusia. Dengan pendidikan yang benar dan berkualiti, individu-individu yang beradab akan terbentuk yang akhirnya menterjemahkan kehidupan sosial yang bermoral.

2. Kepentingan Sabar dalam Membentuk Akhlak Pelajar

Kejayaan guru dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan kejayaan mendidik pelajar berakhlak mulia bergantung kepada pelbagai cara, antaranya ialah kesabaran guru dalam mendidik pelajar. Sabar adalah salah satu cabang dalam pendekatan psikologi dakwah di dalam al-Quran yang boleh diamalkan oleh guru. Dalam hitungan para ulama, kata sabar di dalam al-Quran disebutkan di dalam 70 ayat lebih atau 100 kata lebih. Para ulama berbeza pendapat mengenai jumlah ayat sabar atau kata sabar di dalam al-Quran. Ini menunjukkan betapa penting dan perlunya mengamalkan kesabaran dalam kehidupan. Adanya perbezaan yang terjadi di kalangan ulama dalam menentukan jumlah kata shabr yang tersurat di dalam al-Quran, menurut al-Qardhawi, bukan berarti terdapat kontradiksi di dalam al-Quran itu sendiri. Perbezaan tersebut terjadi kerana dalam beberapa ayat terdapat dua kata sabar atau lebih yang oleh sebahagian ulama menghitung satu dan sebahagian lain menghitungnya dua atau lebih (Sopyan Hadi, 2018).

Ab. Aziz Mohd Zin (2020) menyatakan dakwah melalui Attention (penumpuan fikiran) melalui tarikan berulang-ulang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah kepada ummah. Dakwah secara berulang-ulang ini sebenarnya memerlukan kesabaran.

Dalam psikologi berulang-ulang merupakan salah satu daripada perkara yang tertarik (Marx, 1976). Kenapakah manusia tertarik kepada perkara yang berulang-ulang? Dalam konteks hubungan seseorang, yang berulang itu akan mengurangkan rasa curiga yang boleh membawa kepada penyelesaian hubungan. Keadaan tersebut merupakan tahap permulaan dalam pembinaan persahabatan (Wortman, 1992). Ulangan juga biasanya boleh meneguhkan pemikiran dan pandangan yang dibawa kepada sasaran (Najati, 1993).

Begitu juga dengan metodologi dalam bentuk pujukan yang memerlukan kesabaran kepada pendakwah khususnya Guru Pendidikan Islam (GPI). Ab Aziz Mohd Zin (2005) menjelaskan satu daripada gaya persembahan yang boleh menarik perhatian dan senang mempengaruhi sasaran ialah dengan menggunakan bentuk pujukan. Pujukan dilakukan dalam keadaan lembut untuk memikat hati.

Dalam surah al-Nisa' ayat 104, Allah memujuk hati orang Islam supaya tidak gentar menghadapi keperitan memerangi musuh, dengan alasan keperitan seperti itu lebih dirasai oleh pihak musuh. Allah juga memujuk Nabi Muhammad s.a.w khususnya dan orang Islam umumnya, supaya tidak berdukacita atas kerenah yang pelbagai dari orang bukan Islam dan tidak takut atas tindakan buruk mereka. Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl [16] ayat 127 & 128:

وَأَصْبِرْ وَمَا صَبْرُكَ إِلَّا بِاللَّهِ وَلَا تَحْزَنْ عَلَيْهِمْ وَلَا تَكُ فِي ضَيْقٍ مِّمَّا يَمْكُرُونَ

Maksudnya: "Dan bersabarlah (wahai Muhammad terhadap perbuatan dan telatah golongan yang ingkar itu) dan tiadalah berhasil kesabaranmu melainkan dengan (memohon pertolongan) Allah dan janganlah engkau berdukacita terhadap kedegilan mereka, dan janganlah engkau bersempit dada disebabkan tipu daya yang mereka lakukan. Sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang bertakwa dan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya."

Ayat tersebut memujuk orang Islam secara umum supaya tidak berasa lemah dan dukacita atas tindak tanduk dan usaha buruk orang bukan Islam untuk menghalang dan merosakkan Islam dan umatnya. Setiap orang Islam perlu bersabar atas segala tindakan itu, kerana sudah menjadi satu sunnah bahawa untuk menegakkan kebaikan akan berhadapan dengan banyak rintangan. Berdoalah kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya dan ingatlah bahawa segala apa yang berlaku berada di bawah penguasaan Allah.

Dalam menyelesaikan masalah disiplin pelajar dan membentuk akhlak baik mereka, guru turut memainkan peranan yang amat penting. Ini adalah kerana selain ibu bapa, guru boleh dikatakan merupakan orang yang paling rapat dengan pelajar. Oleh yang demikian, seseorang guru itu mestilah berlaku adil. Selain itu, pelajar dan ibu bapa akan lebih menghormati guru-guru yang berlaku adil. Untuk berlaku adil apabila menghukum seseorang pelajar, guru harus menyiasat dengan teliti supaya tidak mudah terpedaya dengan tipu helah pelajar-pelajar yang semakin canggih cara pembohongan mereka. Di samping itu, guru harus mempunyai perwatakan yang baik. Tingkah laku guru boleh dicontohi dan diteladani oleh pelajar didikannya. Contohnya adalah seperti seorang guru memarahi pelajar yang ponteng atau lewat datang ke sekolah sedang guru itu sendiri sering kali tidak memasuki kelas tanpa alasan. Jangan sangka guru sahaja yang memerhatikan pelajar. Pelajar lebih celik memerhatikan guru-guru mereka.

Untuk menjadi seorang pendidik yang baik, seseorang guru juga perlu mempunyai dua sikap yang bertentangan iaitu tegas dan penyayang. Guru harus bertegas dengan peraturan, prinsip dan kepercayaan. Sikap tegas merupakan salah satu sikap yang harus dimiliki oleh guru. Hal tersebut mendorong pelajar untuk mematuhi peraturan yang dibuat. Guru akan mengambil tindakan susulan ke atas apa yang disuruh atau diarahkan. Ini samalah seperti melaksanakan peraturan yang ditetapkan. Amalan yang baik sebenarnya lahir daripada sikap yang tegas. Sebaliknya pelajar yang bersalah harus dibimbing dan dibantu. Mereka hendaklah dinasihati dengan sabar dan penuh kasih sayang. Dengan adanya dua sikap ini yang digandingkan barulah seseorang guru dapat menyakini pelajar mereka (Chin Pek Lian, Low Li Chueen & Vivian Low Yen Yeong, 2005).

Sebagai seorang guru seharusnya berlaku adil kepada semua pelajar dalam setiap perkara sama ada semasa Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) atau di luar bilik darjah. Guru hendaklah menunjukkan perwatakan yang baik, bersifat tegas dan penyayang kepada setiap pelajar, menasihati pelajar dengan sabar dan penuh kasih sayang. Menjadi guru yang baik dan disenangi pelajar bukan sukar, namun perlu datang dari hati dan jiwa ikhlas menjalankan amanah sebagai guru.

3. Sabar dan Hubungannya dengan Pembentukan Akhlak Muslim Pelajar

Apabila seorang guru hendak membimbing pelajarannya agar berjaya dalam pelajaran, mereka perlu mengamalkan sifat yang mulia iaitu sabar. Sabar mempunyai hubungan yang kuat dengan pembentukan akhlak muslim pelajar. Setiap hari Guru Pendidikan Islam (GPI) terlibat di dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam tugas seharian yang semakin mencabar, Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu banyak bersabar dalam tugas mengajar kerana di samping mengajar guru juga membentuk peribadi pelajar menjadi seorang yang berakhlak mulia.

Bimbingan ke atas pelajar adalah untuk membantu menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau personaiti. Fariza Md Sham & Azyyati Mohd Nazim (2015) menyatakan bahawa terdapat tiga bentuk bimbingan yang boleh dilaksanakan dalam pembentukan akhlak pelajar. Pertama, Bimbingan Secara Langsung (*directive counseling*). Kaedah ini digunakan untuk mengkaji individu, mengetahui tahap kemampuannya dan maklumat lazim seperti pekerjaan, pembelajaran atau pengkhususan bagi membantu individu terbabit dalam menyelesaikan masalah yang dihadapinya. Jenis-jenis kaunseling adalah seperti kaunseling komuniti, keluarga, perkahwinan, agama, rawatan, akhlak, pemulihan, kesihatan dilakukan secara perjumpaan (*interview*) dan pemerhatian (*observation*). Dalam kaedah pemerhatian, ujian psikologi digunakan sebagai pengukuran.

Kedua, Rawatan Jiwa Secara Berkelompok (*group psychotherapy*). Dalam menangani permasalahan remaja dan golongan muda, rawatan jiwa secara berkumpulan (*group psychotherapy*) juga boleh dilakukan selain rawatan secara individu (al-Zarrād, 1995). Rawatan jiwa secara berkumpulan menerusi perbincangan dan analisis permasalahan individu mengikut pandangan kumpulan. Kaedah ini digunakan dalam merawat permasalahan remaja dan golongan muda yang mempunyai ciri-ciri tidak ada kemahiran sosial dan hubungan kemasyarakatan, mudah terpengaruh dengan orang lain dari segi perasaan, simpati, emosi dan suka menyendiri. Situasi ini digunakan dalam rawatan jiwa secara berkumpulan adalah untuk memperbetulkan pendirian yang salah dalam kalangan kumpulan remaja yang antaranya dikuasai perasaan malu, tiada kesedaran diri sendiri (*self-awareness*), mengalami konflik dan lemah dalam menggunakan akal fikiran (al-Zarrād, 1995).

Ketiga, Rawatan Keluarga dan Perkahwinan (*family and marriage psychotherapy*). Pendekatan dalam menangani masalah remaja dan golongan muda dapat dilaksanakan secara rawatan keluarga dan perkahwinan (*family and marriage psychotherapy*). Ini adalah kerana suasana keluarga dan persekitarannya mempunyai pengaruh kepada pembawaan tingkah laku dan masa hadapan anak-anak (al-Zarrād, 1995). Dalam kaedah rawatan jiwa secara berkeluarga dan perkahwinan (*family and marriage psychotherapy*), bimbingan akan diberikan kepada remaja dan golongan muda yang mengalami permasalahan dari sudut keluarga. Oleh yang demikian, fungsi kekeluargaan yang gagal adalah punca dan asas kepada permasalahan jiwa dan tingkah laku remaja. Sekiranya ahli-ahli keluarga mampu membantu dengan segala usaha dan ikhtiar untuk menangani permasalahan anak remaja, demikian jugalah ahli-ahli keluarga yang bertanggungjawab mempengaruhi permasalahan remaja dan membantut perkembangan baik usia remaja. Justeru, kaedah rawatan yang melibatkan keluarga remaja bertujuan mengukuhkan sistem kekeluargaan, mendukung perasaan individu dan menguatkan ikatan hubungan perkahwinan.

Imam al Ghazali (2010) menjelaskan dalam sistem pendidikan akhlak hendaklah menekankan dua cara dalam mendidik akhlak, iaitu mujahadah dan membiasakan latihan dengan amal soleh. Selain itu hendaklah memohon kurniaan Allah dan kesempurnaan fitrah, agar nafsu dan amarah itu dipereleakkan mengikut landasan agama sehingga menjadi orang berilmu dan akhlak itu menjadi kebiasaan. Pendidikan akhlak tersebut dapat diusahakan dengan mujahadah dan riyadah iaitu dengan membawa diri kepada perbuatan yang dikehendaki oleh akhlak tersebut.

Pendekatan sabar sangat berkesan jika diamalkan dalam kehidupan seharian. Dengan sifat sabar manusia dapat menghadapi pelbagai rintangan dan kenikmatan dalam kehidupan. Firman Allah SWT dalam surah al-Anfal [8] ayat 66:

أَلَّنْ خَفَّفَ اللَّهُ عَنْكُمْ وَعَلِمَ أَنَّ فِيكُمْ ضَعْفًا فَإِنْ يَكُنْ مِنْكُمْ مِائَةٌ صَابِرَةً يَغْلِبُوا مِائَتَيْنِ وَإِنْ
 يَكُنْ مِنْكُمْ أَلْفٌ يَغْلِبُوا أَلْفَيْنِ بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: "Sekarang Allah telah meringankan daripada kamu (apa yang telah diwajibkan dahulu) kerana Dia mengetahui bahawa pada kamu ada kelemahan; oleh itu jika ada di antara kamu seratus orang yang sabar, nescaya mereka akan dapat menewaskan dua ratus orang dan jika ada di antara kamu seribu orang, nescaya mereka dapat menewaskan dua ribu orang dengan izin Allah dan (ingatlah) Allah berserta orang-orang yang sabar."

Setiap kesabaran yang dilaksanakan adalah disebabkan cabaran yang dihadapi sebagai Guru Pendidikan Islam (GPI). Selain daripada mengajar, Guru Pendidikan Islam (GPI) menghadapi cabaran dalam pembentukan akhlak pelajar. Antara cabarannya ialah cabaran dalaman bagi Guru Pendidikan Islam (GPI) itu sendiri. Peranan guru ialah menerapkan nilai murni kepada pelajar sama ada secara formal di dalam bilik darjah mahupun secara tidak formal semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah (Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri, 2007). Seorang guru yang baik seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi seperti baik hati, pandai berjenaka, sabar, bertanggungjawab, yakin pada diri dan mempunyai sifat kepimpinan (Mok Soon Sang, 1988).

Selain cabaran dari sudut sikap dan akhlak Guru Pendidikan Islam (GPI), sedia maklum bahawa GPI seperti guru lain di sekolah dibebani dengan tugas pengajaran dan pembelajaran yang padat. Selain itu GPI

juga terlibat dalam aktiviti kokurikulum sekolah serta tugas pentadbiran dan pengkeranian. Maka bebanan tugas yang pelbagai ini merupakan kekangan masa yang besar bagi GPI untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajar lebih-lebih lagi bagi mereka yang menghadapi masalah akhlak. GPI juga terikat dengan KPI (key performance indicator) yang perlu disempurnakan setiap tahun bekerja, maka ia turut menghalang GPI daripada menumpukan perhatian yang lebih dalam pembentukan akhlak pelajar lebih-lebih lagi yang ber masalah (Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Oleh itu, pendekatan sabar sangat penting untuk guru melaksanakan tugas dan fungsi yang pelbagai ini.

Seseorang pelajar boleh merubah akhlak mereka jika tidak dapat dibentuk dan diperbaiki. Oleh sebab itu perlunya kesabaran yang tinggi daripada Guru Pendidikan Islam (GPI). Ab Halim Tamuri (2010) menjelaskan seseorang berpotensi untuk merubah akhlak ataupun situasi yang berada dalam jiwa mereka.

Terdapat tiga kaedah utama dalam merawat akhlak pelajar seperti yang dikemukakan oleh al-Ghazali (2009) iaitu membentuk, menyingkir dan merawat masalah akhlak pelajar. Ketiga-tiga proses ini memerlukan kesabaran daripada GPI. Proses membangun elemen akhlak dijalankan menerusi teknik perbincangan dan penerangan dengan mengaitkannya dengan apa yang dilakukan pelajar dalam kehidupan mereka. Sebagai contoh, inisiatif guru membentuk akhlak dengan memperbanyakkan perbincangan yang dihubungkan secara langsung dengan apa yang dilakukan pelajar.

Hal ini adalah kerana adab ialah sesuatu yang dilakukan dalam kehidupan seharian seperti akhlak dengan ibu bapa, guru, rakan, saudara-mara serta akhlak dengan alam. Malah tujuan guru mengaitkan akhlak yang disampaikan dengan apa yang dilakukan pelajar agar pelajar mampu mempraktikkan akhlak berkenaan dalam kehidupan mereka secara mudah. Selain perbincangan dan penerangan, guru juga berusaha menunjukkan teladan yang baik untuk membentuk akhlak yang mulia pada diri pelajar. Guru perlu menjaga adab dan akhlak sebagai guru dan seorang muslim. Teladan ialah cara yang mudah bagi pelajar belajar berdasarkan apa yang mereka lihat di hadapan mata mereka sendiri. Teladan cara bercakap, memberi salam dan mencintai ilmu semuanya ditunjukkan oleh guru agar dapat dicontohi oleh pelajar.

Fasa kedua dalam membangunkan elemen akhlak dalam pengajaran ialah penyingkiran akhlak buruk. Fasa ini disarankan oleh al-Ghazali (1998) untuk membuang nilai dan akhlak negatif pelajar. Secara umumnya, proses penyingkiran akhlak buruk ini dilakukan menerusi teguran dan nasihat. Teguran dan nasihat perlu dikemukakan secara berterusan dari semasa ke semasa. Hal ini bertujuan untuk membetulkan akhlak, adab dan kebiasaan tidak baik dalam kalangan pelajar. Namun, guru perlu faham bahawa teguran dan nasihat perlu diberikan tanpa jemu dan dengan penuh sabar.

Apa yang penting juga, teguran dan nasihat wajar dikemukakan sebaiknya sejujur guru melihat nilai negatif yang ditunjukkan oleh pelajar. Teguran dan nasihat tentunya dikemukakan secara baik dan lembut, bukan secara kasar atau menghina (Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Peranan Guru Pendidikan Islam (GPI) membentuk akhlak pelajar tidak dapat dinafikan lagi. GPI juga dikategorikan sebagai pendakwah. Pada hari ini banyak pihak yang membicarakan tentang kerosakan sahsiah, personaliti dan akhlak pelajar. Bagi merealisasikan aspirasi negara, kemantapan dan kemurnian, sistem pendidikan negara merupakan asas terpenting untuk diperkukuhkan dan diperkasakan. Membangunkan masyarakat Islam kini yang sedang bergolak dengan pelbagai kancas kerosakan dalam pelbagai aspek kehidupan bukan suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Tugas para guru yang juga berperanan sebagai pendakwah kepada pelajarnya untuk mengajak kepada amar makruf nahi mungkar sememangnya menuntut banyak kesabaran dan pengorbanan.

Di dalam al-Quran, Allah SWT menggunakan pelbagai bentuk metodologi dakwah kerana merujuk kepada kumpulan sasaran yang berbeza dari pelbagai aspek. Metodologi dakwah yang dibuat secara teratur dan sistematik membolehkan sasaran menerima sesuatu dakwah atau mendapat keberkesanannya (Ab. Aziz Mohd Zin, 2001). Menurut Nooraini Othman & Salasiah Khairollah (2013) negara memerlukan modal insan yang berpegang teguh dengan kalimat wattaquallah, iaitu menyatupadukan ilmu, akhlak mulia, akal dan hati, fikir dan zikir, kemahiran dan etika serta kerja dan ibadah. Seharusnya pendidikan bukanlah hanya memenuhi otak dengan segala ilmu yang belum diketahui tetapi haruslah dapat membentuk akhlak dan jiwa serta dapat mempersiapkan diri individu untuk suatu pembentukan personaliti yang unggul. Melalui medium pendidikan, jati diri dapat dibentuk dan segala kegiatan yang tidak bermoral akan dapat dikawal dan dihapuskan. Wan Muhamad (2010) menyatakan jati diri juga disebut sebagai identiti yang merujuk kepada identiti diri atau keperibadian diri sebenar yang dimiliki oleh seseorang, bukan sahaja terlihat secara lahiriah, tetapi termasuk juga nilai-nilai yang menjadi pegangannya. Menurut Siddiq (2009) jati diri bermakna sifat-sifat atau watak yang asli yang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu bangsa yang membentuk identiti serta perwatakan bangsa itu (Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail, 2019).

Sifat sabar mempunyai hubungan yang kuat dengan pembentukan akhlak muslim pelajar. Bimbingan ke atas pelajar dilakukan adalah untuk membantu menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau personaliti pelajar. Antara cara yang boleh dilaksanakan dalam mendidik akhlak ialah mujahadah dan membiasakan latihan dengan amal soleh. Sesungguhnya sifat sabar ini membolehkan manusia menghadapi pelbagai rintangan dan kenikmatan dalam kehidupan. Sebagai seorang guru berperanan menerapkan nilai murni kepada pelajar sama ada secara formal di dalam bilik darjah mahupun secara tidak formal semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah. Sungguhpun begitu Guru Pendidikan Islam (GPI) seperti guru-guru lain mempunyai bebanan tugas yang pelbagai dan secara tidak langsung merupakan kekangan masa yang besar bagi GPI untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada pelajar lebih-lebih lagi bagi mereka yang menghadapi masalah akhlak.

Perbincangan

1. Kejayaan Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bergantung Kepada Kesabaran Guru

Setiap guru mempunyai niat iaitu memberi ilmu dan mendidik para pelajar hingga berjaya. Untuk mencapai kejayaan tersebut memerlukan kesabaran yang tinggi kerana para pelajar terdiri daripada pelbagai latar belakang yang memerlukan pendekatan yang berlainan. Dalam mengaplikasikan kesabaran ini, Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin (2021) menjelaskan bahawa guru memainkan peranan sebagai suri teladan kepada pelajar, mempunyai hubungan yang baik dengan mereka, mengutamakan adab di samping menyuburkan rasa cinta ilmu dalam diri pelajar. Peranan ini perlu dijalankan dengan seikhlas hati supaya para pelajar benar-benar dapat mencontohi akhlak para ulama dan mengaplikasikannya sepanjang masa.

Asnuurien Najma & Azlin Nurhaini (2013) pula menjelaskan bahawa sebagai pembentuk sahsiah pelajar, guru perlu mempunyai sikap kompeten dengan mempamerkan personaliti yang terbaik seperti mudah didekati, mesra pelajar, tekun dalam melaksanakan tugas, bersedia dalam mengajar dan tidak pilih kasih terhadap pelajar.

Manakala Siti Rashidah, Haslina & Zetty Nursulina (2016), Rizky (2017) menjelaskan bahawa pembentukan sahsiah para pelajar mempunyai hubungan dengan keperibadian para guru. Menjadikan guru sebagai suri teladan merupakan suatu proses pendidikan yang sangat halus dan diaplikasikan oleh Rasulullah s.a.w

serta para sahabat dalam menyampaikan dakwah. Faktor ini merupakan kaedah yang paling berkesan mendorong para pelajar untuk mempraktikkan adab dan akhlak sebagai seorang Muslim. Justeru para guru perlu menerapkan kesabaran dalam diri mereka bagi mencapai niat yang murni ini.

2. Sifat Sabar Dapat Menghadapi Pelbagai Rintangan dan Kenikmatan dalam Kehidupan

Setiap manusia tidak terlepas daripada menghadapi masalah dalam kehidupan. Setiap masalah yang dihadapi oleh manusia sudah ditentukan Allah dengan kemampuan yang ditetapkan oleh Allah untuk manusia menghadapinya. Firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya”

Zahiruddin Zabidi (2021) menjelaskan bagi mencapai kebahagiaan perlu terlebih dahulu memiliki sakinah (ketenangan). Ini kerana mereka yang dilihat bahagia secara zahir tidak semestinya berada dalam ketenangan, namun mereka yang sentiasa tenang akan sentiasa bahagia walau apa pun sekali keadaan mereka. Itu lah erti sebenar keredaan. Antara perkara yang perlu dihadapi oleh manusia khususnya orang Islam adalah ujian daripada Allah. Ujian itu datang dalam pelbagai bentuk sama ada ujian kecil atau besar. Biasanya ujian dinisbahkan kepada perkara yang buruk sahaja, namun dalam masa yang sama, kenikmatan yang melampau sehingga melalaikan juga adalah ujian daripada Allah. Sikap dalam menghadapi takdir sama ada baik atau buruk menentukan adakah benar seseorang itu beriman kepada Allah serta qada dan qadarNya.

Begitu juga dengan penjelasan oleh Muhammad Widus Sempo (2015) yang menyatakan bahawa ujian ini bertujuan untuk menguatkan keinginan untuk melakukan kebaikan yang sentiasa berperang melawan gerakan-gerakan licik syaitan yang menipu. Begitu juga dengan kelemahan jiwa yang mudah terumbang ambing oleh keinginan-keinginan hawa nafsu yang kadangkala melampaui batas. Ujian ini bertujuan untuk menguatkan keinginan kebaikan dalam diri manusia bagi memadamkan syahwat yang menginginkannya diri manusia terjerumus ke lubang kehancuran. Selain itu menguatkan jati diri mereka sebagai makhluk pilihan yang akan menjadi khalifah Allah taala dalam memakmurkan bumi.

3. Sifat Sabar Dalam Menyampaikan Dakwah

Tujuan berdakwah adalah untuk menyampaikan kebenaran untuk membawa manusia ke arah kebaikan. Abdul Hadi (2017) menjelaskan bahawa dakwah merupakan salah satu cara dalam menyampaikan kebenaran pada orang lain, orang yang melakukan dakwah disebut da'i. Dalam agama Islam tugas da'i adalah sangat mulia kerana mereka yang mengajak kepada kebaikan, contoh da'i yang terhebat ialah Nabi Muhammad saw. Baginda di utus oleh Allah untuk menyampaikan risalah sebagai petunjuk bagi umat manusia dalam kehidupannya.

Dakwah tidak selamanya berjalan dengan mudah, bahkan lebih banyak tentangan daripada orang ramai. Oleh sebab itu seorang da'i harus memiliki sifat kesabaran yang teguh, tidak cepat berputus asa dan patah semangat, sebagai mana petunjuk Allah kepada Nabi Muhammad s.a.w ketika baginda menghadapi tentangan daripada kaum Quraisy. Firman Allah surah al-An'am ayat 34:

وَلَقَدْ كُذِّبَتْ رُسُلٌ مِّن قَبْلِكَ فَصَبَرُوا عَلَىٰ مَا كُذِّبُوا وَأَوْدُوا حَتَّىٰ أَنتَهُم نَصْرُنَا وَلَا مُبَدِّلَ
لِكَلِمَاتِ اللَّهِ وَلَقَدْ جَاءَكَ مِن نَّبَائِي الْمُرْسَلِينَ

Dan sesungguhnya telah didustakan (pula) rasul-rasul sebelum kamu, akan tetapi mereka sabar terhadap pendustaan dan penganiayaan (yang dilakukan) terhadap mereka, sampai datang pertolongan Allah kepada mereka. Tak ada seorang pun yang dapat merubah kalimat-kalimat (janji-janji) Allah. Dan sesungguhnya telah datang kepadamu sebahagian dari berita rasul-rasul itu.

Kesimpulan

Dalam kajian ini didapati melalui konsep sabar dalam pembentukan akhlak muslim pelajar akan memberi kesan yang positif kepada pembentukan akhlak mulia. Ini dapat dilihat daripada kesungguhan dan usaha yang dilakukan oleh guru khususnya guru pendidikan Islam (GPI) semasa mengajar dan mendidik pelajar. Kesabaran amat penting sama ada pada pihak guru mahu pun pelajar memberikan perubahan sikap, pembentukan persepsi serta lahir penghayatan yang mendalam untuk menjadi pelajar yang berakhlak mulia seterusnya berjaya di dalam pelajaran. Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu bersiap sedia dengan pendekatan sabar untuk menghadapi situasi pelajar yang pelbagai. Guru sewajarnya memperbaiki diri terlebih dahulu dalam proses untuk memperbaiki pelajarannya. Sebagai seorang guru pendidikan Islam (GPI) khususnya, seharusnya mempunyai sifat dan kualiti peribadi seperti baik hati, pandai berjenaka, sabar, berjenaka, bertanggungjawab, yakin pada diri dan mempunyai sifat kepimpinan. Guru Pendidikan Islam (GPI) juga perlulah memberikan motivasi dan galakan kepada pelajar supaya berakhlak mulia serta belajar bersungguh-sungguh sehingga berjaya dengan cemerlang dalam pelajaran.

Implikasi dalam menjadikan pendekatan sabar dalam membimbing pelajar ke arah berakhlak mulia, bergantung kepada intelektual dan kreatif yang tinggi dalam kalangan guru kerana guru merupakan paksi utama dalam sistem pendidikan, tanpa guru pelajar tidak dapat menjadi insan yang berakhlak mulia. Pemantapan akhlak mulia ini banyak berkait rapat dengan diri guru. Guru Pendidikan Islam (GPI) berperanan untuk menerapkan nilai murni kepada pelajar sama ada secara formal di dalam bilik darjah mahupun secara tidak formal semasa menjalankan aktiviti kokurikulum di luar bilik darjah.

Pendekatan sabar dalam pembentukan akhlak muslim pelajar perlu diketengahkan oleh semua pihak khususnya Guru Pendidikan Islam (GPI) kerana pendekatan sabar ini sangat penting diamalkan oleh GPI dan pelajar kerana sudah menjadi satu sunnah bahawa untuk menegakkan kebaikan akan berhadapan dengan banyak rintangan dan perlukan kesabaran. Guru yang penyabar dan penyayang akan menjadi seorang guru yang berjaya dalam kerjayanya. Apabila nilai sabar dan penyayang itu tersemat kukuh, guru pasti akan menyedari bahawa hasil nikmat sabar itu sangat memberkati usaha gigihnya mendidik. Sebagai seorang hamba Allah hendaklah selalu berdoa kepada Allah dan bertawakal kepada-Nya dan ingatlah bahawa segala apa yang berlaku berada di bawah penguasaan Allah.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan makalah ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah di perolehi daripada semua individu atau subjek yang menyertai kajian ini.

Konflik Kepentingan: Penulis mengakui bahawa tiada sebarang konflik kepentingan wujud antara semua pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Ab.Aziz Mohd Zin. (2001). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin. (2005). *Metodologi Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Aziz Mohd Zin. (2020). *Psikologi dalam Dakwah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Sahlan. (2010). *Pelangi Kesabaran*. Jakarta: Elex Media Komputindo.
- Abdul Hadi (2017). Pola Hubungan Guru-Murid Dalam Al-Quran (Kajian Terhadap Konsep Sabar). *Jurnal Mimbar Akademika Vol. 2 No. 1 Edisi Januari-Jun*
- Al Ghazali. (2008). *Ihya Ulumuddin*. Qairo Mesir : Daar al-Taqwa.
- Al-Ghazali. (2009). *Ihya Ulumuddin. Menghidupkan Ilmu-Ilmu Agama, Cet.1*. Bandung: Marja.
- Asnuurien Najma Ahmad & Azlin Nurhaini Mansor. (2013). Pengaruh Personaliti Guru Pendidikan Islam Terhadap Pembentukan Peribadi Murid. *Regional Conference on School Structure and Teacher Competence, Duties & Character: 211- 218*.
- Chin Pek Lian, Low Li Chueen & Vivian Low Yen Yeong. (2005). *Isu-Isu Masalah Disiplin Pelajar: Pendekatan dan Penyelesaian*. Seminar Pendidikan 2005, Fakulti Pendidikan UTM, 15 Okt 2005.
- Faridah, Che Husain, Tengku Sarina Aini & Tengku Kasim. (2006). Pendekatan Psikologi dalam Pendidikan Akhlak Muslim Sebagai Pemangkin Pembangunan Insan dan Tamadun. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 17, 2006. <http://eprints.um.edu.my/id/eprint/11438>
- Fariza Md Sham & Azyyati Mohd Nazim. (2015). Pendekatan Psikologi Dakwah dalam Menangani Remaja Berisiko: Fokus Pendekatan Bimbingan Jiwa. *Jurnal Hadhari* 7(2) (2015) 63-7. <http://ejournals.ukm.my/jhadhari>
- Herwani. (2020). Konsep Pendidikan Akhlak Pada Al-Quran Surat Luqman Ayat 13-15. *Jurnal Vol. 3 No. 2 Januari-Jun 2020*, page 197-204. <http://www.journal.iaisambas.ac.id/index.php/Cross-Border/article/download/716/565>
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran & Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan. *Edisi ketiga*. (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan. *Edisi keempat*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maulida Ade Suryani Sadaruddin. (2020). Nilai Pendidikan Akhlak dalam al-Quran Surah Asy Syu'arā 89: Tinjauan Terhadap Tafsir Al-Marāgī. *Jurnal Ilmu Alquran Dan Tafsir Vol: 05*
- Marx & Melvin H. (1976). *Introduction To Psychology*. New York: MPCl.
- Mok Soon Sang. (1988). *Pendidikan di Malaysia: Mengikut Sukatan Pelajaran Baru*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.
- Muhammad Rabbi Muhammad Jauhari. (2006). *Keistimewaan Akhlak Islami, terj. Dadang Sobar Ali*. Bandung: Pustaka Setia.
- Muhammad Widus Sempo. (2015). *Masihkah Taubatku Diterima*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Najati & Dr. Muhammad 'Uthman. (1982). *Al-Quran wa 'Ilm al-Nafs*. Beirut: Dar al-Shuruq.

- Nooraini Othman & Salasiah Khairillah. (2013). Eksplorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan. *International Journal of Islamic Thought*, Vol. 4: (Dec.).
- Nazneen Ismail, Nurzatil Ismah Azizan & Siti Mursyidah Mohd Zin. (2021). Peranan Guru Pengajian Turath dalam Pembentukan Sahsiah. *Jurnal Al-Hikmah 13(1) 2021*: 43-71
- Omar Ahmad. (2020). *Jenayah Pelajar Sekolah Membimbangkan*. <https://bharian.com.my/berita/wilayah/2020/12/760676/>
- Rosnijah Arolah & A'dawiyah Ismail. (2019). Peranan Guru Pendidikan Islam Membentuk Akhlak Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kunak Sabah. *Jurnal Al Hikmah Jilid 11 ISSN 1985-6822* 2019.
- Sayyid Quthb. (2001). *Tafsir Fizilal Al-Quran, Jilid 2*. Jakarta: Gema Insani.
- Siddiq Fadzil. (2009). *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Kajang: Kolej Dar al-Hikmah.
- Silvy Dian Permatahati. (2022). *Implikasi Sabar Pada Kesehatan Mental Perspektif Zakiah Darajat*. Karya Ilmiah Universitas Islam Negeri (UIN) Sunan Ampel Surabaya.
- Siti Rashidah Binti Abd Razak, Haslina Binti Hamzah & Zetty Nurzuliana Bt Rashed. (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal of Social Science and Humanities Special Issue 3(November 2016) 100-110, ISSN: 1823-884x*.
- Siti Aisyah Kamaruddin & Latifah Abdul Majid. (2017). Peranan Murabbi Terhadap Pembangunan dan Pembentukan Akhlak Remaja. *Jurnal al-Turath ; Vol. 2, No. 2; 2017 e-ISSN 0128-0899*
- Sopyan Hadi. (2018). Konsep Sabar dalam Al-Quran. *Jurnal Madani : Ilmu Pengetahuan, Teknologi, dan Humaniora, Vol. 1, No. 2, September 2018*: 473 – 488.
- Wan Muhamad & S. A. A. (2010). Strategi, Kaedah dan Pelaksanaan Dakwah dalam Membina Jati Diri Kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman pnyt. *Jurnal Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm.85-96. Selangor: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Werner J. Severin. (1988). *Teori Komunikasi, terj. Vin Lowe dan Abdullah Hassan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wortman, Loftus & Marshall. (1992). *Psychology*. New York: MGHI.
- Zahiruddin Zabidi. (2021). *Bolehkah Kita Mengubah Takdir*. Selangor: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.